

# WASIAT YANG BERTAMBAH

-----\*-----\*-----

Bersabit dengan hari yang berbahagia ini maka di sini kita siarkan khutbah Rasulullah (SAW) tatkala menyempurnakan hajat al-Wada' pada korban yang kesepuluh hijrah telah memberi khutbah di Padang Arafat pada 8 Zulhijjah (7 Mac tahun 632 Masihi) di hadapan 124,000 orang yang tiba daripada segala penjuru negeri Arab di antaranya utusan-utusan kabilah bangsa Arab yang kesemuanya beragama Islam. Khutbah Rasulullah (SAW) di sini adalah sangat mustahak sebagai suatu khutbah yang wajib perhati oleh orang-orang kita. Rasulullah (SAW) tatkala berkhutbah itu duduk di atas untanya berdiri dekat Jabal Arafat dengan bersabda demikian:

“Hai sekalian manusia! Dengar perkataan-perkataanku sebab aku tidak mengetahui adakah kemudian daripada ini aku akan berpeluang lagi berjumpa dengan kamu di sini.


“Tahukah kamu hari apakah hari ini? Inilah Yaum al-Nahar (hari korban yang disucikan). Tahukah kamu bulan apakah bulan ini? Inilah bulan yang disucikan. Tahukah kamu tempat apakah tempat ini? Inilah bandar yang disucikan. Aku maklumkan kepada kamu bahawa nyawamu, harta bendamu dan kehormatanmu yang satu terhadap kepada yang lain haruslah disucikan sebagai hari yang suci ini, sebagai bulan yang suci ini dan sebagai bandar yang suci ini. Hendaklah kamu sampaikan khabar ini kepada mereka-mereka yang tidak hadir. Kamu akan mengadap Tuhanmu kelak yang akan menuntut jawab daripada kamu atas perbuatan-perbuatan kamu.

“Hari ini haruslah dihapuskan segala wang riba yang di antaranya ada juga wang Abbas bin Abdul Mutallib. Hari

ini hendaklah dihapuskan balasan bagi pembunuhan yang telah dilakukan pada zaman jahiliah dan terutama sekali diampuni pembunuhan ke atas Rabi' bin Harith. Hai sekalian manusia hari ini syaitan telah berputus asa daripada mendirikan lagi penyembahannya di negerimu ini tetapi sekiranya kamu mengikutnya walau dalam satu perkara yang nampak kecil sekalipun dalam pandanganmu itulah akan menjadi kemenangan baginya. Oleh itu hendaklah kamu berjaga-jaga atasnya. Hai sekalian orang kamu adalah mempunyai hak di atas isteri-isterimu dan isterimu mempunyai hak juga ke atas kamu. Mereka itu ialah amanah Allah di dalam tanganmu. Buatlah ke atas mereka itu dengan kebaikan. . . . . dan tentang hamba-hambamu maka hendaklah kamu beri kepada mereka itu daripada apa-apa yang kamu makan dan beri kepada mereka itu pakaian daripada apa yang kamu pakai. Wahai sekalian orang dengarkanlah perkataanku dan masukkan dalam hati sanubarimu. Kamu hendaklah mengetahui bahawa tiap-tiap Muslim adalah bersaudara kepada Muslim yang lain. Kamu sekalian adalah sama (mempunyai hak yang sama, mempunyai kewajiban yang sama). Kamu semuanya adalah menjadi anggota di dalam persatuan persaudaraan bersama. Bagi tiap-tiap seorang daripada kamu dilarang mengambil sesuatu daripada saudaranya kecuali apa-apa yang diberikan oleh kemahuannya sendiri. Kamu janganlah hendak menindas umatmu (merosakkan hak-haknya).

Tatkala menutup khutbahnya Rasulullah (SAW) telah berseru dengan suara yang sekuat-kuatnya: “Ya Tuhanku! Adakah aku telah menyampaikan perintahmu?” maka sekalian orang yang berkumpul di Padang Arafat kedengaran menjawab: “Demi Allah! Sesungguhnya benar kamu telah menyampaikannya.”

Sekianlah khutbah Rasulullah (SAW) yang di dalamnya mengandungi perkara-perkara yang wajib diperhatikan terutamanya membersihkan diri daripada tersubahat kepada sesuatu perkerjaan yang ditegah yang tiap-tiap seorang daripadanya akan menanggungjawab kepada tiap-tiap suatu yang dibuatnya. Mereka penanggungjawab kepada



*Inilah Mekah - inilah kiblat Islam dan di sinilah tiap-tiap seseorang menunggu seru supaya dapat menunaikan fardhu haji yang wajib bagi tiap-tiap seorang yang berupaya menunaikannya.*

masyarakat, menanggungjawab kepada sanak-saudara dan sebagainya. Menghapuskan wang riba dan menghapuskan balasan-balasan bunuh secara jahiliah yang di luar daripada pengajaran-pengajaran yang diajarkan oleh-Nya. Rasulullah (SAW) telah mengingatkan menjauhkan diri daripada godaan syaitan, menjauhkan diri daripada segala godaannya syaitan. Menjauhkan diri daripada segala godaan yang membawa kesesatan kepada mereka itu. Rasulullah (SAW) telah mengingatkan supaya tiap-tiap seseorang suami itu memandangi isterinya itu sebagai amanah yang diletakkan kepadanya yang mesti dijaga dengan cukup sempurna yang menjadi tanggungan kepada tiap-tiap orang - dan kemudian Rasulullah (SAW) telah menyuruh membuat baik kepada hamba atau sahaya dan mengajar kepada tiap-tiap seorang itu

ialah berbuat baik iaitu berilah makanan apa yang dimakan olehnya dan berilah pakaian apa yang dipakai olehnya yang tujuannya ialah supaya tidak memperbezakan di antara tuan dengan hambanya yang menerbitkan perasaan hina-menghina.

Amanah Rasulullah (SAW) yang akhir ini rupanya telah terpancang pada masa itu bahasanya di dalam perkara-perkara yang tersebut inilah perkara yang dicuakikan dan tidak diendahkan oleh umatnya yang sedang karam di dalam serba-serbinya itu hibaya-hibaya tataplah dengan sesaksama apa yang dilafazkan oleh Rasulullah (SAW) 1300 tahun lebih itu yang semangatnya sampai sekarang tidak hilang yang hari ini di sana (di Padang Arafat) manusia berkumpul mengingati apa yang telah dilafazkan.